



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

18 Syawal 1441 / 10 Jun 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Rabu, 18 Syawal 1441H bersamaan 10 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang manakala jumlah kes yang telah sembuh ialah seramai 138 orang.**
  
2. Pada masa ini, hanya **satu kes aktif** masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Beliau masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan. Marilah kita sama-sama mendoakan semoga Allah Subhanahu Wa Ta' Alā memberikan kesihatan yang sepenuhnya kepada beliau. Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamin.

3. Sementara itu, pada masa ini, seramai 120 orang sedang menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Manakala seramai 2,703 orang telah menamatkan tempoh kurantin dan dalam keadaan yang baik.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 625 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 23,293 ujian. Alhamdulillah, berhubung dengan kontek-kontek kes yang didapati positif di Kuala Lumpur, ujian makmal virus SARS-CoV-2 bagi semua kontek kes adalah negatif.
5. Berikut makluman mengenai **BruHealth App**, Alhamdulillah setakat ini seramai 365,604 ahli telah mendaftar ke dalam aplikasi tersebut. Bagi syarikat dan premis pula sejumlah 6,828 telah mendaftar kepada aplikasi BruHealth. Manakala, sebanyak 1,902 premis perniagaan telah memuat turun aplikasi premiseScan yang mana kemudahan ini adalah dikhaskan bagi kegunaan orang ramai yang tidak mempunyai telefon bimbit untuk masuk ke premis berkenaan.
6. Seterusnya, berkaitan dengan tempahan untuk menuaikan solat Fardhu Jumaat, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan kepada mana-mana jemaah yang masih belum bersedia dan masih ada

kekhawatiran untuk menunaikan solat Fardhu Jumaat di masjid untuk tidak membuat tempahan di sistem BruHealth. Manakala, bagi jemaah yang sudah menempah tetapi pada saat-saat akhir merasa kurang sihat adalah disarankan untuk menekan “Saya tidak akan hadir” di dalam sistem berkenaan. Ini mengambil kira pengisian slot di masjid, balai-balai ibadat dan surau berkenaan telah digunakan dan menghalang jemaah lain untuk membuat tempahan. Oleh itu, dengan tidak membuat tempahan atau menekan “Saya tidak akan hadir” akan melepaskan slot berkenaan dan seterusnya membolehkan jemaah-jemaah lain yang benar-benar berkeinginan untuk mendapatkan slot bagi menunaikan solat Fardhu Jumaat.

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 18 Syawal 1441H / 10 Jun 2020